

<b>Headline</b>	<b>Siri Jelajah Ulang Tahun Ke-50 TUDM Jadi Tumpuan</b>
<b>Date</b>	<b>01. Jun 2008</b>
<b>Media Title</b>	<b>Mingguan Malaysia</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>
<b>Circulation</b>	<b>483240</b>
<b>Readership</b>	<b>1810000</b>
<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Page No</b>	<b>8</b>
<b>Article Size</b>	<b>454 cm<sup>2</sup></b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



# Siri jelajah ulang tahun ke-50 TUDM jadi tumpuan



ANUAR AHMAD

OLEH SAIFUL HAIZAN HASAM  
GAMBAR IZHAM JAAFAR

**M**ENJELANG sambutan ulang tahun ke-50 penubuhannya, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menganjurkan enam siri jelajah di seluruh negara.

Program roadshow tersebut merupakan salah satu usaha TUDM untuk mendekatkan dirinya dengan masyarakat di samping meningkatkan kefahaman mereka mengenai peranan yang telah dimainkannya sebagai benteng pertahanan ruang udara negara.

Acara yang dipengerusikan oleh

Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Brigedier Jeneral Anuar Ahmad, TUDM membawakan hasil yang amat membanggakan apabila siri jelajah berkenaan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada orang ramai di setiap lokasi penganjurannya.

Ini amat berbeza dengan sambutan masyarakat terhadap pameran-pameran anjuran pelbagai agensi kerajaan walaupun ia diadakan di tempat tumpuan ramai.

Terbukti Bahagian Sumber Manusia Markas TUDM yang merupakan tulang belakang siri jelajah berkenaan telah membuat persediaan rapi terutama dalam aspek pengisian

program yang disusun secara padat.

Tinjauan Gaya Tentera di siri jelajah berkenaan di Stesen Sentral Kuala Lumpur pada hari Jumaat lalu mendapat orang ramai berpuspu-pusu di kawasan pameran dan pentas utama walaupun ia baru sahaja dibuka untuk kunjungan.

Walaupun dianjurkan pada skala yang kecil, siri jelajah tersebut benar-benar mencuri perhatian orang ramai terutamanya pada sekсиyen yang menampilkan aspek persenjataan TUDM.

Sesiapa sahaja pasti tidak mahu melepaskan peluang untuk memegang senjata-senjata yang dipamerkan tambahan pula mereka diberi layanan mersa oleh petugas TUDM.

Turut mencuri perhatian ialah penjualan cenderamata berkaitan TUDM terutamanya pelekat-pelekat kereta yang bermotifkan jet-jet pejuang TUDM dan logo pasukan elitnya.

Penyelaras siri jelajah TUDM, Lettenan Kolonel Ahmad Abdul Rahman berkata, KL Sentral merupakan lokasi ke enam penganjuran roadshow yang diadakan selama tiga hari.

Katanya, lokasi pertamanya ialah di Alor Setar, Kedah pada 27 hingga 29 Januari lalu diikuti Kota Kinabalu, Sabah pada 17 hingga 19 Februari.

Ia diikuti Kuching, Sarawak pada

21 hingga 23 Mac, Ipoh, Perak pada 11 hingga 13 April dan Kuantan, Pahang pada 25 hingga 27 April.

“KL Sentral merupakan lokasi ke enam dan kemuncaknya ialah pada 1 Jun ini bertempat di Pangkalan Udara Subang sempena sambutan rasmi ulang tahun Ke-50 TUDM.

“Selain daripada pameran, siri-siri roadshow ini turut menyediakan kaunter pengambilan rekru dan persembahan pancaragam, gimnastik, tempur tanpa senjata, kebutaan dan nyanyian dari artis residen TUDM dan artis rakaman,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya amat berpuas hati dengan sambutan orang ramai yang sentiasa berpusu-pusu mengunjungi.

“Siri jelajah ini amat istimewa kerana inilah kali pertama ia diadakan secara besar-besaran bersempena sambutan ulang tahun ke-50 TUDM,” katanya.

Seorang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) cawangan Bintulu, Farhana Jimale, 20, berkata beliau amat tertarik dengan siri jelajah TUDM kerana ia merupakan pengalaman pertamanya menyaksikan pameran berkaitan tentera.

Katanya, paling istimewa ialah peluang memegang raifal yang dipamerkan.

“Saya ingatkan senjata itu ringan,

bila angkat rupa-rupanya berat juga.

“Maklumlah saya perempuan, bukannya tahu sangat mengenai ketenteraan. Melalui siri jelajah sebegini dapatlah saya menambah pengetahuan,” katanya.

Sementara itu, seorang pelatih Pusat Latihan Kejuruteraan Penerbangan Malaysia (METEC), Mohd. Ahyar Kasebullah, 20, berkata beliau mengunjungi siri jelajah TUDM bagi mendapatkan maklumat mengenai teknologi enjin jet pejuang.

Maklumat itu katanya dapat membantu menambah ilmunya mengenai teknologi penerbangan yang berkembang pesat dalam tempoh tidak sampai seratus tahun meninggalkan teknologi perkapan di belakang walaupun ia telah wujud sejak zaman Nabi Nuh.

Katanya, sebelum ini beliau tidak pernah berpeluang untuk mendapatkan maklumat secara langsung mengenai teknologi jet pejuang yang menjadi aset TUDM.

“Di sini saya berpeluang mendapatkan maklumat ringkas mengenai teknologi enjin jet pejuang yang menggunakan enjin turbo berkuda tinggi.”

“Ini berbeza dengan enjin pesawat komersial yang menggunakan teknologi kipas turbo yang lebih menjimatkan bahan api,” katanya.



SUASANA di hadapan pentas persembahan sempena Roadshow TUDM di Stesen Sentral Kuala Lumpur.